

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI [RAUB]

TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI [RAUB] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah projek-projek sistem perparitan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan status terkini bagi mengelakkan banjir kilat dan banjir besar berlaku di Parlimen Raub. Apakah tindakan jangka masa pendek dan panjang yang telah dibuat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk tindakan jangka masa pendek, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan projek-projek fizikal di bawah Pakej Ransangan Ekonomi (PRE) di Daerah Raub, Pahang sebanyak 21 projek dengan kos projek berjumlah RM1.19 juta. Projek yang dijalankan adalah merangkumi kerja-kerja menaiktaraf dan pengukuhan tebing sungai sebagai langkah untuk mengurangkan risiko banjir. Selain itu, JPS juga akan melaksanakan 4 projek di bawah Program Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir dengan peruntukan sebanyak RM550,000.

2. Manakala untuk tindakan jangka masa panjang, JPS akan mempertimbangkan pelaksanaan Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam jika terdapat keperluan dan permohonan daripada negeri. Sekiranya banjir kilat kerap berlaku, Pejabat Daerah boleh mengemukakan permohonan melalui JPS Daerah Raub. Sekian, terima kasih.